

Nik Aziz masih belum tunaikan janji

UM 30 SEP 2002

SETIU 29 Sept. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Abdul Nik Aziz Nik Mat tidak menunaikan janjinya untuk meminta maaf kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ceramah di tapak Pekan Budaya, Rhu Sepuluh di sini malam tadi.

Dalam ceramah perdana sempena Ijtimak Kepimpinan Pas Terengganu bersama Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu, Nik Abdul Aziz sebaliknya menumpukan huraian bahawa Islam membenarkan kata-kata kesat dihamburkan kepada pihak lawan.

Ceramah yang dihidirinya malam tadi merupakan yang pertama oleh Nik Aziz selepas beliau mengakui tersilap menuduh Perdana Menteri tidak tahu membaca al-Quran dan bersedia memohon maaf.

Sedangkan Nik Aziz pada Jumaat lalu juga berkata, permohonan maaf kepada Dr. Mahathir itu akan dibuat semasa berceramah kerana kesalahan tersebut dilakukan dalam keadaan tersebut iaitu ketika berceramah.

Beliau sebelum ini mengaku tersalah cakap apabila mengatakan bahawa Dr. Mahathir ti-

dak tahu membaca al-Quran sebaliknya menjelaskan, apa yang hendak dikatakan ialah Perdana Menteri tidak tahu bahasa Arab.

Dalam ceramahnya hampir satu jam malam tadi, Nik Aziz tidak langsung menyentuh mengenai isu tersebut sebaliknya lebih mempertahankan bagaimana tindakan mengeluarkan kata-kata kesat tetap dibenarkan Islam dalam menghadapi pihak lawan.

Katanya, dalam sesetengah keadaan ada orang tidak boleh memahami sesuatu perkara apabila diberitahu mengguna-

kan bahasa yang baik dan ia memerlukan kepada penggunaan bahasa yang lebih kasar dan keras.

“Kalau kecek (cakap) berunding kita guna bahasa baik tidak semua orang dengar, sesetengah orang kena tepuk meja baru dia reti (faham),” katanya.

Malah, katanya, Nabi Ibrahim sendiri dalam menyebarkan Islam pernah mengeluarkan bahasa kasar seperti ‘uffin lakum’ yang bererti ‘cis’ kepada pihak tertentu.

Katanya lagi, Tuhan sendiri juga menggunakan bahasa yang sama ketika memarahi ahli-ahli neraka.

Beliau merujuk bahasa yang kasar itu kepada tekanan yang diterima oleh Pas menganjurkan ceramah umum yang pada masa ini diharamkan oleh Kerajaan Persekutuan.

“Nak ceramah payah, royak (beritahu) negeri ini bukan hak dia seorang mengapa buat payah sangat ni serupa harta mak bapak dia seorang,” ujar beliau.

Tambah beliau, taktik ‘main kasar’ oleh Pas turut disebut dan diceritakan dalam Surah Yasin iaitu bagaimana kekasaran boleh dikenakan ke atas pihak yang enggan menerima seruan kebenaran.